

# Tegas bendung pencemaran udara

Oleh Jessica Jawing

**KUCHING:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan terhadap kenderaan yang gagal mematuhi standard pelepasan asap melalui pelaksanaan Operasi Gerak Kenderaan Motor secara besar-besaran di seluruh negara.

Ketua Pengarah JAS Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar berkata, tindakan itu perlu dilaksanakan dengan lebih tegas memandangkan pelepasan asap kenderaan merupakan penyumbang utama pencemaran udara di kawasan bandar.

“Operasi ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat. Kita dimaklumkan bahawa terdapat lebih 33 juta kenderaan di seluruh negara, termasuk kenderaan diesel, petrol dan motosikal.

“Justeru, semua pihak perlu sedar dan mematuhi peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

“Sebagai contoh, bagi kenderaan diesel, jika penyelenggaraan tidak dilakukan, asap hitam mudah terhasil.

“Ini menunjukkan penyelenggaraan kenderaan amat penting bagi memastikan pelepasan ekzos mematuhi standard yang ditetapkan undang-undang,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menyempurnakan Pelancaran Minggu Operasi Gerak Kenderaan Motor Peringkat Kebangsaan sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia 2025 di pekarangan Dewan



**PERIKSA:** Wan Abdul Latiff (dua kanan) bersama John (kanan) menyaksikan demonstrasi pemeriksaan bunyi bising motosikal sempena pelancaran Minggu Operasi Gerak Kenderaan Motor, semalam. — Gambar Chimon Upon

## ● JAS pertingkatkan pematuhan pelepasan asap kenderaan melalui Operasi Gerak Kenderaan Motor di seluruh negara.

Masyarakat MBKS di sini, semalam.

Wan Abdul Latiff berkata, operasi itu bukan perkara baharu, namun kali ini pelaksanaannya akan dibuat secara lebih agresif, terancang dan serentak di seluruh negara bagi memastikan pematuhan lebih menyeluruh.

Katanya, antara pemeriksaan yang akan dikuatkuasakan termasuk pemeriksaan pelepasan asap kenderaan diesel, pemeriksaan

pelepasan gas kenderaan petrol dan pemeriksaan bunyi bising motosikal.

Menurut beliau, tindakan tegas melalui operasi ini diharap dapat meningkatkan kesedaran masyarakat dan memberi mesej bahawa JAS tidak akan berkompromi terhadap sebarang bentuk pencemaran udara.

“Pemilik kenderaan perlu memastikan penyelenggaraan dilakukan mengikut jadual dan

pemanduan juga perlu diurus dengan baik kerana cara menekan pedal minyak secara tidak menentu turut meningkatkan pelepasan,” tegasnya.

Terdahulu dalam ucapannya, Wan Abdul Latiff berkata, dari Januari hingga Oktober 2025, JAS telah melaksanakan sebanyak 5,026 operasi melibatkan pemeriksaan ke atas 312,178 kenderaan.

# Pematuhan pelepasan kenderaan dipertingkatkan

## ► Dari Muka 1

Daripada jumlah itu katanya, 883 tawaran kompaun dan 50 Perintah Larangan telah dikeluarkan kerana pelepasan bahan pencemar melebihi had ditetapkan.

Sementara itu, Pengarah JAS Sarawak John Rampai berkata, Minggu Operasi Gerak Kenderaan Motor yang dilaksanakan serentak di seluruh negara bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan kawalan pelepasan bahan pencemar dari kenderaan motor dan mendidik pengguna jalan raya untuk mematuhi peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

“Di Sarawak sahaja, sehingga Oktober 2025, sebanyak 3,441 pemeriksaan telah dilaksanakan dan 45 tawaran kompaun telah dikeluarkan.

“Angka ini jelas menunjukkan kesungguhan JAS dalam memastikan setiap kenderaan mematuhi had pelepasan yang ditetapkan,” katanya.